

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

MyCC MENGELOUARKAN KEPUTUSAN CADANGAN TERHADAP TUJUH PERUSAHAAN BAGI TIPUAN BIDA

KUALA LUMPUR, 19 DISEMBER 2023 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap tujuh (7) perusahaan yang terlibat aktiviti tipuan bida melibatkan empat (4) tender untuk pembekalan barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia yang dianggarkan berjumlah RM20.8 juta.

Perusahaan-perusahaan yang disenaraikan di bawah terlibat dalam tender-tender berikut:

No.	Perusahaan	Tender 1 (2016)	Tender 2 (2020)	Tender 3 (2016)	Tender 4 (2020)
1.	Agenda Eksklusif Sdn. Bhd.	✓	✓	✓	✓
2.	Nekad Waja Resources	✓	✓	✓	✓
3.	Star Apax Enterprise	✓	✓	✓	✓
4.	Prospectrum Sdn. Bhd.	-	-	✓	-
5.	Spectron Sdn. Bhd.	-	✓	-	✓
6.	Teknokrat Makmur Enterprise	-	-	✓	-
7.	NK Panorama Enterprise	-	-	✓	-

Berdasarkan siasatan awal, MyCC telah mendapati bahawa perusahaan-perusahaan tersebut telah berpaktat semasa mengemukakan tawaran untuk tender-tender yang berkenaan dan siasatan juga mendedahkan bahawa mereka telah berkongsi maklumat antara satu sama lain, menyediakan bersama dalam mengemukakan tawaran tender dan menawarkan perjanjian sub-kontrak sebagai ganjaran.

Perlu ditekankan di sini bahawa penemuan MyCC melalui Keputusan Cadangan adalah dapatan awal hasil penyiasatan, maka tidak boleh diandaikan bahawa mana-mana perusahaan telah melanggar Akta Persaingan 2010 pada peringkat ini. 7 perusahaan

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

itu kini mempunyai peluang untuk mengemukakan representasi bertulis mereka dalam tempoh 30 hari dari tarikh Keputusan Cadangan ini disampaikan kepada mereka. Mereka juga boleh memilih untuk membentangkan representasi mereka secara lisan pada tarikh yang akan ditentukan kelak, setelah MyCC menerima representasi bertulis mereka. MyCC sebagai badan separa kehakiman, setelah mendengar dan mempertimbangkan representasi bersama bukti yang dikumpul dalam proses penyiasatan, akan mengeluarkan Keputusan Akhir sama ada terdapat dapatan pelanggaran atau tiada pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010.

Kartel tipuan bida di mana pesaing-pesaing bersepakat untuk memanipulasi proses bidaan bagi perolehan awam telah lama menjadi isu kepada kerajaan dan juga orang ramai. Terdapat pelbagai kesan buruk hasil daripada aktiviti kartel tipuan bida. Kartel tipuan bida bukan sahaja menyebabkan kenaikan harga bagi projek-projek dan perkhidmatan awam tetapi juga menyekat inovasi dan menjadi penghalang kemasukan pemain baharu dalam pasaran. Akhirnya, rakyat yang terpaksa menanggung kerugian akibat dari kenaikan kos dan hal ini juga mengundang kepada pembaziran dana awam. Dengan mendedahkan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap perusahaan-perusahaan yang terlibat dengan kartel tipuan bida ini, MyCC menyasarkan untuk memastikan wujudnya peluang yang sama rata untuk setiap pemain pasaran dalam mencegah ketirisan dana kerajaan.

“MyCC sejajar dengan keutamaan kami yang juga selari dengan aspirasi kerajaan akan terus komited untuk berganding bahu dengan kerajaan bagi menghapuskan kartel tipuan bida. Kartel tipuan bida ini disifatkan sebagai pelanggaran yang paling serius dalam perundangan persaingan. MyCC akan terus menumpukan usaha siasatan kami yang melibatkan kartel tipuan bida dan kami akan mengeluarkan lebih banyak keputusan dalam masa yang terdekat. MyCC tekad untuk berusaha tanpa henti bagi membongkarkan dan memecahkan lebih banyak kartel tipuan bida ini. Kajian menyeluruh dan analisis teliti MyCC telah membawa kepada penyiasatan yang melibatkan lebih daripada 500 syarikat bagi tender bernilai lebih daripada RM2 bilion. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas keterbukaan dan kerjasama jitu Kementerian Pertahanan. Justeru, kami ingin menggesa semua agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan untuk mengikut jejak langkah Kementerian Pertahanan terlibat secara aktif dan bekerjasama dengan MyCC dalam usaha kerajaan



**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

untuk menangani tipuan bida dalam perolehan awam," kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 250 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM150 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang www.mycc.gov.my.